

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK JOSEPH SALANG ANAK
GANDUM [JULAU]**

TARIKH : 09.11.2016

SOALAN :

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan tindakan dan jadual naik taraf sekolah-sekolah di pedalaman yang usang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada sekolah-sekolah yang daif dan usang terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Pada dasarnya KPM telah merancang projek pembangunan pendidikan untuk kelulusan peruntukan bagi pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) seperti pembinaan bangunan gantian ataupun tambahan melalui kaedah *Industrialised Building System* (IBS) yang ternyata lebih menjimatkan kos dan masa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pembentangan Bajet 2017, kerajaan telah mengumumkan inisiatif untuk membangunkan semula 120 buah sekolah daif iaitu 60 buah di Semenanjung, 30 buah di Sabah dan 30 buah sekolah di Sarawak menggunakan IBS serta

menaik taraf 1,800 makmal sains dengan peruntukan RM570 juta. Kerajaan juga telah mengumumkan peruntukan kepada Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah di bawah KPM iaitu sebanyak RM500 juta.

KPM berusaha menaik taraf kemudahan infrastruktur dan menggantikan bangunan sekolah usang yang disahkan tidak selamat dengan bangunan baharu. Namun demikian, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

RJM41